

21 Disember 2015

Oleh Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

Bantu mangsa pemerdagangan manusia

Putrajaya: Kerajaan meminta majikan di negara supaya menawarkan peluang pekerjaan kepada 2,217 mangsa pemerdagangan manusia yang kini berada di bawah perlindungan pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan di Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, buat masa ini, Hotel JW Marriot, Kuala Lumpur menawarkan empat peluang pekerjaan kepada empat mangsa pemerdagangan manusia masing-masing tiga warganegara Indonesia dan seorang warganegara Laos.

Beliau berkata, kerajaan juga komited untuk membantu mangsa berkenaan bagi membolehkan mereka memulakan kehidupan baru.

“Buat masa ini, kebanyakan mereka berada di bawah perlindungan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat malah, sebahagiannya berlindung di bawah NGO,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran Bil 2/2015 di sini, hari ini.

Dalam pada itu, katanya, Malaysia juga menyasar untuk mencapai Tahap 1 bagi prestasi penilaian Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengenai isu pemerdagangan orang menjelang 2020 berbanding Tahap 2 buat masa ini.



Ahmad Zahid Hamidi menyerahkan sijil penghargaan kepada Pengarah FOMEMA Sdn Bhd, Datuk Mohd Hatar Ismail (kanan) kerana memberi pemeriksaan kesihatan percuma kepada empat mangsa perdagangan manusia sebelum mereka ditawarkan pekerjaan oleh Hotel JW Marriot, Kuala Lumpur. FOTO Mohd Fadli Hamzah - See more at: <http://origin.hmetro.com.my/node/101610#sthash.yuYyD9IJ.dpuf>

- See more at: <http://origin.hmetro.com.my/node/101610#sthash.yuYyD9IJ.dpuf>